

**HUBUNGKAIT ANTARA SOKONGAN PSIKOLOGI
DAN PROFESIONAL PENGETUA DENGAN
EFIKASI GURU DALAM PENGAJARAN**

NORAH MARCUS



PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH


**DESERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENGURUSAN PENDIDIKAN**

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2008**

PENGAKUAN CALON

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

12 Jun 2008



Norah Marcus
PT20068085



PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Borang Pengesahan Penyelia


TAJUK: **HUBUNGKAIT ANTARA SOKONGAN PSIKOLOGI DAN PROFESIONAL
PENGETUA DENGAN EFIKASI GURU DALAM PENGAJARAN**

IJAZAH: **IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN)**

TARIKH VIVA : **12 JUN 2008**

1. PENYELIA:

PROF. MADYA DR. MOHD YUSOF ABDULLAH



(Tandatangan)

2. PENYELIA BERSAMA (JIKA ADA)

TIDAK BERKENAAN

(Tandatangan)



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : _____

IJAZAH : _____

SAYA : _____ SESI PENGAJIAN : _____
(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis *(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

☐

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

☐

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

(TANDATANGAN PENULIS)_____
(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap: _____

TARIKH: _____

(NAMA PENYELIA)

TARIKH: _____

Catatan:

*Potong yang tidak berkenaan.

*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PENGHARGAAN

Syukur kepada Tuhan kerana atas limpah kurnianya saya dapat menyiapkan desertasi ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia saya Prof. Madya Dr. Mohd. Yusof Abdullah kerana telah membimbing saya dengan penuh dedikasi sejak awal sehingga selesainya penulisan ini. Ucapan penghargaan ini juga saya tujukan kepada semua pensyarah yang telah mengajar dan membimbing saya pada peringkat permulaan penyediaan desertasi ini iaitu mentor saya En. Abdul Said Ambutang, Prof. Madya Dr. Salleh Abdul Rashid dan Prof. Madya Dr. Na'imah Yusoff. Penghargaan ini juga ditujukan kepada Bahagian perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD), Kementerian Pelajaran Malaysia dan Jabatan Pelajaran Sabah atas kebenaran yang diberikan untuk melaksanakan kajian ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada suami En. Simun Rugag, anak-anak Daniel, Joshua dan Mordecai dan ibu saya Pn. Angelina Lobiun atas sokongan dan dorongan yang diberikan sepanjang pengajian saya khususnya dalam tempoh penyiapan desertasi ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua pensyarah, pengetua dan rakan sejawat, rakan sekelas dan semua individu yang telah membantu saya dalam kajian ini secara langsung atau tidak langsung.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Norah Marcus
PT20068085

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan antara persepsi guru terhadap sokongan psikologi dan profesional pengetua dengan efikasi guru dalam pengajaran. Kajian juga mengenal pasti perbezaan persepsi guru terhadap sokongan psikologi dan profesional pengetua dan efikasi guru dalam pengajaran mengikut kategori sekolah, jantina, pengalaman mengajar dan bidang mata pelajaran. Tahap persepsi guru terhadap sokongan psikologi dan profesional pengetua dan tahap efikasi guru dalam pengajaran turut dilaporkan dalam kajian ini. Kajian ini telah dilakukan dengan mengedarkan borang soal selidik kepada 334 orang guru dalam Gabungan Kota Kinabalu, Sabah. Persampelan dilakukan berdasarkan persampelan berstrata dan rawak. Data yang dikutip telah dianalisa dengan SPSS versi 15.0 menggunakan analisis statistik deskriptif seperti mencari kekerapan, peratusan, min, sisihan piawai dan analisis statistik inferensi seperti ujian-t (bebas), ujian ANOVA sehalu dan ujian korelasi pearson. Kajian ini mendapati bahawa persepsi guru terhadap sokongan psikologi dan sokongan profesional pengetua hanya pada tahap sederhana dan tahap efikasi guru dalam pengajaran juga pada tahap sederhana. Dapatan juga mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi guru terhadap sokongan psikologi dan profesional pengetua di sekolah kategori bandar dan sekolah kategori luar bandar. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan untuk efikasi guru dalam pengajaran mengikut demografi. Hasil kajian juga mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan ($r=.182, p=.01$) antara persepsi guru terhadap sokongan psikologi pengetua ($M=4.12, SD=.82$) dengan efikasi guru dalam pengajaran ($M=4.37, SD=.52$). Begitu juga, terdapat hubungan yang signifikan ($r=.247, p=.000$) antara persepsi guru terhadap sokongan profesional pengetua ($M=4.34, SD=.84$) dengan efikasi guru dalam pengajaran ($M=4.37, SD=.52$). Hasil kajian ini diharapkan dapat menyumbangkan kepada kajian-kajian untuk mengenal pasti sumber informasi yang boleh menyumbang kepada peningkatan efikasi guru di masa akan datang.

ABSTRACT

Relationship Between The Principal's Psychological and Profesional Support and Teacher's Teaching Efficacy

The main purpose of this study is to identify teachers' perception on the principal's psychological and professional support and their relationship with teachers' teaching efficacy. The study also identified the differences of teachers' perception on principal's psychological and professional support and teachers' teaching efficacy according to school's category, gender, teaching experience and department. The level of principal's psychological and professional support perceived by teachers and the level of teachers' teaching efficacy were also reported in this study. This study was done through questionnaires on 334 teachers in Gabungan Kota Kinabalu, Sabah. The sampling was done based on stratified and random sampling. Data collected was analysed using SPSS version 15.0 using descriptive statistical analysis such as finding the frequency, percentages, mean and standard deviation and also inferential statistical analysis using independent t-test, One way ANOVA test and Pearson Correlation test. This study showed that the level of principal's psychological and professional support perceived by teachers and also teachers' teaching efficacy were at moderate level. Findings also indicated that there was a significance difference between teachers' perception on principals' psychological and professional support according to the school category. There was no significance difference between teachers' teaching efficacy according to demography. The Pearson correlation coefficient result showed that there was a significance correlation ($r=.182$, $p=.01$) between teachers' perception on principal's psychological support ($M=4.12$, $SD=.82$) and teachers' teaching efficacy ($M=4.37$, $SD=.52$). Similarly, there was a significance correlation ($r=.247$, $p=.000$) between teachers' perception on principal's professional support ($M=4.34$, $SD=.84$) and teachers' teaching efficacy ($M=4.37$, $SD=.52$). The findings will hopefully be useful for further research on finding the sources of information for teachers' efficacy and to promote higher teachers' teaching efficacy.

SENARAI SINGKATAN

ANOVA	: <i>Analysis of Variance</i>
M	: <i>mean</i> / min
SD	: <i>Standard Deviation</i> / Sisihan piawai
r	: <i>Pearson correlation coefficient</i> / Pekali Korelasi Pearson
n	: <i>Number of respondents</i> /Bilangan responden
SPSS	: <i>Statistically Package for Social Science</i>
t	: <i>t-value</i> / Nilai t-kiraan
df	: <i>Degree of freedom</i> / Darjah kebebasan
F	: <i>F-value</i> /Nilai F-kiraan
p	: <i>significance level</i> / Aras kesignifikanan



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

KANDUNGAN

Halaman

PENGAKUAN CALON	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI SINGKATAN	vii
KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xv

BAB 1	PENDAHULUAN	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	1
1.3	Pernyataan Masalah	3
1.4	Objektif Kajian	5
1.5	Soalan Kajian	5
1.6	Hipotesis Kajian	6
1.7	Kepentingan Kajian	6
1.8	Batasan Kajian	7
1.9	Definisi Operasional	8
1.9.1	Sokongan Profesional Pengetua	8
1.9.2	Sokongan Psikologi Pengetua	8
1.9.3	Efikasi Guru dalam Pengajaran	9
1.10	Rumusan	9

BAB 2	KAJIAN LITERATUR	
2.1	Pengenalan	10
2.2	Teori Efikasi	10
2.3	Teori Kepimpinan	11
2.4	Kepimpinan Transfomasi	15
2.5	Kepimpinan Pengajaran	18
2.6	Memimpin di Permukaan Bawah	20

2.7	Teori Motivasi	21
2.8	Pembangunan Profesionalisme	22
2.9	Teori X dan Teori Y	23
2.10	Kajian-kajian Lepas	24
2.11	Definisi Konsep	29
2.11.1	Efikasi Guru	29
2.11.2	Sokongan Pengetua	29
2.11.3	Sokongan Psikologi	30
2.11.4	Sokongan Profesional	30
2.12	Kerangka Konseptual Kajian	31
2.13	Rumusan	32

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	33
3.2	Reka Bentuk Kajian	33
3.3	Populasi Kajian	33
3.4	Sampel Kajian	34
3.5	Instrumen Kajian	35
3.6	Kajian Rintis	37
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	38
3.8	Kadar Respon Responden	39
3.9	Prosedur Penganalisisan Data	39
3.9.1	Kebolehpercayaan Dalam Skala Pengukuran	40
3.9.2	Analisis Statistik Deskriptif	40
3.9.3	Analisis Statistik Inferensi	42
3.10	Jangka Masa Kajian	45
3.11	Rumusan	46

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	47
4.2	Pemerihalan Ciri-ciri Demografi Responden	47
4.2.1	Kategori Sekolah	48
4.2.2	Jantina	48
4.2.3	Tempoh Perkhidmatan	49
4.2.4	Bidang Mata Pelajaran	49

4.3	Kebolehpercayaan Dalaman Skala Pengukuran	50
4.4	Ujian Normaliti	51
4.5	Analisis Data Menggunakan Statistik Deskriptif	52
4.6	Analisis Data Menggunakan Statistik Inferensi	54
4.6.1	Perbezaan Skor Min Sokongan Psikologi Pengetua, Sokongan Profesional Pengetua dan Efikasi Guru dalam Pengajaran	54
4.6.2	Keputusan Analisis Varians (ANOVA) terhadap Sokongan Psikologi, Sokongan Profesional Pengetua dan Efikasi Guru dalam Pengajaran mengikut bidang Mata Pelajaran	62
4.6.3	Korelasi Antara Skor Sokongan Psikologi Pengetua dengan Efikasi Guru dalam Pengajaran	64
4.6.4	Korelasi Antara Skor Sokongan Profesional Pengetua dengan Efikasi Guru dalam Pengajaran	64
4.7	Ringkasan Penemuan Kajian	65
4.8	Rumusan	66

BAB 5

RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	67
5.2	Ringkasan Kajian	67
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	68
5.3.1	Tahap Efikasi Guru dalam Pengajaran, Tahap Sokongan Psikologi Pengetua dan Tahap Sokongan Profesional Pengetua dalam Gabungan Kota Kinabalu	69
5.3.2	Perbezaan Sokongan Psikologi Pengetua dan Sokongan Profesional Pengetua dengan Efikasi Guru dalam Pengajaran Mengikut Demografi	69
5.3.3	Hubungan Sokongan Psikologi Pengetua dengan Efikasi Guru dalam Pengajaran	72
5.3.4	Hubungan Sokongan Profesional Pengetua dengan Efikasi Guru dalam Pengajaran	73

5.4	Rumusan dan Implikasi Kajian	73
5.5	Cadangan Kajian Masa Hadapan	75
5.6	Penutup	76
BIBLIOGRAFI		77
LAMPIRAN A: Borang Soal Selidik		79
LAMPIRAN B: Surat Kebenaran Kajian Daripada EPRD		84
LAMPIRAN C: Surat Kebenaran Kajian Daripada JPN		86
LAMPIRAN D: UJIAN NORMALITI		87



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

Muka surat

Jadual 3.0 :	Bilangan Guru Mengikut Daerah dan Kategori	34
Jadual 3.1 :	Prosedur Persampelan Berstrata dan Persampelan Rawak Dalam Pemilihan responden	36
Jadual 3.2 :	Bilangan Item dan Pekali Alfa Cronbach Instrumen Kajian	38
Jadual 3.3 :	Petunjuk Skala Likert Enam Mata	42
Jadual 3.4 :	Panduan Penentuan Tahap Efikasi Guru Berdasarkan Skor Min	42
Jadual 3.5 :	Panduan Penentuan Tahap Sokongan Psikologi dan Profesional Pengetua Menggunakan Skor Min	43
Jadual 3.6 :	Ujian Statistik Inferensi Mengikut Hipotesis.	44
Jadual 3.7 :	Kekuatan Nilai Pekali Korelasi	46
Jadual 3.8 :	Jadual Perancangan Kajian	46
Jadual 4.0 :	Perbandingan Peratusan Sampel (Responden) dan Populasi Mengikut Kategori Sekolah	48
Jadual 4.1:	Frekuensi dan Peratusan Mengikut Jantina	50
Jadual 4.2:	Frekuensi dan Peratusan Mengikut Tempoh Perkhidmatan	51
Jadual 4.3:	Bilangan dan Peratusan Mengikut Bidang Mata Pelajaran	52
Jadual 4.4:	Bilangan Item dan Pekali Alfa Cronbach Instrumen Kajian	53
Jadual 4.5:	Skewness dan Kurtosis Untuk Variabel Bebas dan Bersandar	54
Jadual 4.6:	Skor Min dan Taburan bagi Persepsi Guru Terhadap Sokongan Psikologi dan Profesional Pengetua dan Tahap Efikasi Guru	54
Jadual 4.7:	Skor Min dan Taburan bagi Subskala dalam variabel sokongan Psikologi Pengetua	55

Jadual 4.8:	Skor Min dan Taburan bagi Subskala dalam Variabel Sokongan Profesional Pengetua	56
Jadual 4.9:	Min Sokongan Psikologi Pengetua Berdasarkan Kategori Sekolah	57
Jadual 4.10	Keputusan Ujian-t (Bebas) bagi Guru Terhadap Sokongan Psikologi Pengetua	57
Jadual 4.11:	Min Sokongan Profesional Pengetua Berdasarkan Kategori Sekolah	58
Jadual 4.12	Keputusan Ujian-t (Bebas) bagi Guru Terhadap Sokongan Profesional Pengetua	58
Jadual 4.13:	Min Efikasi Guru dalam Pengajaran Berdasarkan Kategori Sekolah	59
Jadual 4.14	Keputusan Ujian-t (Bebas) bagi Efikasi Guru dalam Pengajaran Berdasarkan Kategori Sekolah	59
Jadual 4.15:	Min Persepsi Guru Terhadap Sokongan Psikologi Pengetua Berdasarkan Jantina	60
Jadual 4.16	Keputusan Ujian-t (Bebas) bagi Persepsi Guru Terhadap Sokongan Psikologi Pengetua Mengikut Jantina	60
Jadual 4.17:	Min Persepsi Guru Terhadap Sokongan Profesional Pengetua Berdasarkan Jantina	61
Jadual 4.18	Keputusan Ujian-t (Bebas) bagi Persepsi Guru Terhadap Sokongan Profesional Pengetua Mengikut Jantina	61
Jadual 4.19:	Min Efikasi Guru dalam Pengajaran Berdasarkan Jantina	61
Jadual 4.20	Keputusan Ujian-t (Bebas) bagi Min Efikasi Guru Mengikut Jantina	62
Jadual 4.21:	Min Persepsi Guru Terhadap Sokongan Psikologi Pengetua Berdasarkan Pengalaman Mengajar	62
Jadual 4.22	Keputusan Ujian-t (Bebas) bagi Persepsi Guru Terhadap Sokongan Psikologi Pengetua Mengikut Pengalaman Mengajar	63
Jadual 4.23:	Min Sokongan Profesional Pengetua Berdasarkan Pengalaman Mengajar	63

Jadual 4.24	Keputusan Ujian-t (Bebas) bagi Persepsi Guru Terhadap Sokongan Profesional Pengetua Mengikut Pengalaman Mengajar	64
Jadual 4.25:	Min Efikasi Guru dalam Pengajaran Berdasarkan Pengalaman Mengajar	64
Jadual 4.26	Keputusan Ujian-t (Bebas) bagi Efikasi Guru dalam Pengajaran Mengikut Pengalaman Mengajar	65
Jadual 4.27	Keputusan Ujian ANOVA bagi persepsi Guru Terhadap Sokongan Psikologi Pengetua Mengikut Bidang Mata Pelajaran	66
Jadual 4.28	Keputusan Ujian ANOVA bagi persepsi Guru Terhadap Sokongan Profesional Pengetua Mengikut Bidang Mata Pelajaran	66
Jadual 4.29	Keputusan Ujian ANOVA bagi Efikasi Guru dalam Pengajaran Mengikut Bidang Mata Pelajaran	67
Jadual 4.30	Keputusan Ujian Korelasi antara Sokongan Psikologi dan Efikasi Guru dalam Pengajaran	67
Jadual 4.31	Keputusan Ujian Korelasi antara Sokongan Profesional Pengetua dan Efikasi Guru dalam Pengajaran	68
Jadual 4.32:	Ringkasan Keputusan Penemuan Kajian	69

SENARAI RAJAH

Muka surat

Rajah 2.0:	Perbezaan di antara Jangkaan Efikasi dan Harapan Hasil-respons	11
Rajah 2.1:	Kerangka Konseptual Hubungan di antara sokongan psikologi dan profesional Pengetua dengan Efikasi Guru dalam Pengajaran	31
Rajah 3.0:	Prosedur Persampelan Berstrata dan Persampelan Rawak Dalam Pemilihan responden	35



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Salah satu teras dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) dalam Rancangan Malaysia Ke-9 adalah memartabatkan profesion perguruan agar profesion perguruan dihormati dan dipandang tinggi sesuai dengan amanah yang dipertanggungjawabkan. Untuk mencapai agenda ini, maka salah satu fokus strategik PIPP adalah memantapkan kepimpinan pengetua sebagai pemimpin pengajaran dan menekankan aspek kualiti guru khususnya memastikan guru benar-benar memiliki watak pendidik. Perkara utama yang perlu ditingkatkan dalam profesion perguruan adalah teras kepada profesion itu sendiri iaitu kualiti pengajaran guru. Isu standard kualiti tinggi pengajaran guru adalah isu yang hangat dibincangkan bukan sahaja di Negara ini tetapi juga di negara-negara Barat. Bagaimanapun, peningkatan kualiti pengajaran guru adalah berkait rapat dengan kualiti kepimpinan pengetua. Bab ini membincangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, hipotesis kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi operasional.

1.2 Latar Belakang Kajian

Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, kajian terhadap efikasi sendiri telah semakin mendapat perhatian dalam penyelidikan pendidikan khususnya untuk mengetahui punca, sokongan dan ancaman terhadap efikasi sendiri yang dipercayai memainkan peranan dalam meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Efikasi sendiri seseorang merupakan sumber motivasi dalaman seseorang. Seseorang guru yang mempunyai tahap efikasi yang tinggi turut mempunyai kepercayaan yang tinggi bahawa dia boleh mempengaruhi pembelajaran muridnya khususnya bagi murid yang mempunyai masalah pembelajaran (Ashton, 1985; Guskey dan Passaro, 1994) dalam Reeve (1996). Efikasi guru amat penting khususnya dalam bilik darjah kerana ianya menentukan pemilihan aktiviti yang hendak dijalankan oleh seseorang guru, daya usahanya dan ketahanannya (Schunk, 1991) dalam Reeve (1996). Guru yang

mempunyai tahap efikasi yang tinggi boleh membawa pembelajaran dan pencapaian dalam para muridnya (Ashton, 1984; Gibson dan Dembo, 1984) dalam Reeve (1996). Pengajaran guru merupakan faktor kritikal yang menentukan pencapaian pelajar secara amnya. Keberkesanan dan peranan yang dimainkan oleh seseorang guru dipengaruhi secara langsung oleh efikasi seseorang guru khususnya dalam membuat keputusan dan mengubahsuai cara pengajaran. Melalui kajian lepas, didapati guru-guru yang mempunyai efikasi yang lebih tinggi lebih mudah mengadaptasikan diri dengan inovasi, mempunyai ketahanan tinggi dalam mengatasi masalah pembelajaran dan lebih berinisiatif untuk mencari penyelesaian terhadap masalah pembelajaran. Efikasi guru juga dibuktikan mempunyai pengaruh terhadap efikasi pelajar dan seterusnya pencapaian pelajar. Sekiranya efikasi guru benar-benar boleh mempengaruhi efikasi dan pencapaian pelajar, maka wajarlah peningkatan efikasi guru diberikan perhatian.

Terdapat kajian-kajian lepas yang menyatakan bahawa antara faktor yang boleh meningkatkan efikasi guru adalah sokongan pentadbir antaranya kajian Hoy dan Spero (2005) dan kajian Tschannen-Moran dan Hoy (2006). Hoy dan Spero (2005) dalam kajian terhadap guru-guru yang baru mengajar mendapati bahawa efikasi guru adalah meningkat ketika latihan persediaan kepada guru pelatih dan kemudiannya merosot semasa dalam perkhidmatan. Kajian tersebut juga mendapati terdapat hubungan yang signifikan di antara efikasi guru dan sokongan yang diterima oleh guru novis di sekolah. Salah satu bentuk sokongan yang membantu meningkatkan efikasi guru novis adalah sokongan daripada pentadbir.

Berasaskan kepada teori efikasi dan beberapa kajian lepas berhubung dengan efikasi guru, timbul beberapa persoalan daripada pengkaji seperti "Bagaimanakah pengetua sebagai pentadbir utama dalam sekolah boleh memainkan peranan dalam meningkatkan efikasi guru?", Sehubungan dengan itu, pengkaji memilih aspek sokongan pengetua sebagai pemboleh ubah tak bersandar dalam kajian ini dan efikasi guru sebagai pemboleh ubah bersandar. Selain itu, pengkaji juga ingin melihat samada terdapat perbezaan tahap efikasi seorang guru dalam aspek kategori sekolah (bandar dan luar bandar), jantina, pengalaman mengajar dan bidang mata pelajaran. Jawapan kepada soalan-soalan ini kesemuanya memerlukan penyelidikan dan inilah yang menjadi asas kepada penyelidik menjalankan kajian ini.

Kepimpinan seorang pengetua adalah berkait rapat dengan kualiti guru. Seorang pengetua yang berkesan adalah pengetua yang dapat menggerakkan guru-gurunya untuk bekerja dengan rela dan penuh komitmen. Sokongan pengetua

merupakan suatu aspek yang terdapat dalam kebanyakan teori kepimpinan. Sokongan pengetua dalam kajian ini ditumpukan kepada dua aspek sokongan iaitu sokongan psikologi dan sokongan profesional. Pemilihan ini juga adalah berdasarkan teori Bandura, yang mengatakan bahawa antara sumber informasi yang boleh meningkatkan efikasi guru adalah dorongan sosial dan verbal serta keadaan emosi atau kebangkitan emosi. Kajian ini dijalankan ke atas guru-guru dalam kalangan guru-guru sekolah menengah gabungan Kota Kinabalu.

1.3 Pernyataan Masalah

Seorang pengetua yang berkesan ialah seorang pengetua yang dapat memotivasikan guru-gurunya untuk melakukan tugas-tugas mereka dengan sukarela (Ishak, 2003). Menurut Sharifah (2000), kajian-kajian lepas yang dibuat di Amerika Syarikat dan Great Britain mendapati bahawa sekolah berkesan berkait rapat dengan jangkaan guru, bentuk kepimpinan, ganjaran dan pengiktirafan serta pemantauan perkembangan sekolah dan pelajar. Stoll dan Fink (1996) dalam Sharifah (2000) juga mendapati ciri-ciri sejagat yang menjadi asas bagi sekolah berkesan adalah kepimpinan yang profesional, visi dan matlamat yang dikongsi, persekitaran pembelajaran, penekanan terhadap pengajaran dan pembelajaran, jangkaan tinggi dan ganjaran positif.

Masalah yang dihadapi di negara Malaysia seperti yang diketengahkan dalam PIPP adalah profesion perguruan masih tidak dipandang tinggi oleh masyarakat luar. Ini adalah kerana secara keseluruhannya dapat disimpulkan bahawa kualiti guru masih ditahap yang sederhana. Hanya beberapa sekolah dianggap berkesan dan diberikan penganugerahan sebagai Sekolah Cemerlang, Sekolah Harapan dan beberapa pengiktirafan lain. Sekolah-sekolah lain pula didapati kurang berkesan, tidak berwawasan, kurang memahami keadaan sekolah dan tidak sensitif dengan perubahan yang diperlukan. Pengetua yang tidak berkesan pula tidak dapat membuat perubahan terhadap keadaan sekolah yang tidak berkesan ini dan kepercayaan guru-guru terhadap pengetua adalah rendah. Rozenholtz (1989) dalam Sharifah (2000) mengatakan bahawa dalam sekolah yang kurang berkesan, jangkaan guru-guru dan pemimpin terhadap pencapaian pelajar juga pada tahap rendah. Hubungan warga sekolah tidak baik, guru-guru tidak bermaya, bertindak sendiri dan tidak menurut nasihat pihak lain. Selain itu, didapati juga dalam sebuah sekolah yang kurang berkesan, guru-gurunya bukan sahaja mempunyai jangkaan rendah terhadap pencapaian pelajar tetapi juga penekanan terhadap pengawasan, arahan dan aktiviti

tidak diselaraskan, tidak dibincangkan, tidak mencabar pelajar dan tidak mempunyai rangka kerja yang jelas. Tahap interaksi di antara guru dan pelajar rendah, tumpuan guru lebih kepada kerja-kerja pengkeranian, pelajar-pelajar tidak diselia dan pelajar-pelajar kurang mengambil bahagian dalam tugas-tugas mereka. Pelajar juga menganggap belajar tidak penting dan guru-guru pula sering memberikan kritikan dan maklum balas yang negatif. Duignan dan Macpherson (1992) mengatakan "Perkhidmatan guru hanya boleh ditingkatkan oleh satu proses yang kompleks dengan pendidikan dalam perkhidmatan dan khidmat sokongan yang terancang, dibangun dan dikekalkan dalam pendidikan". Salah satu aspek yang dilihat dapat meningkatkan kualiti pengajaran guru ialah aspek sokongan pengetua. Dalam model-model kepimpinan pengajaran, peranan pemimpin sebagai penyokong adalah amat penting khususnya dalam memupuk iklim pengajaran dan pembelajaran di sekolah, menyemai jangkaan yang tinggi, memberikan suatu bentuk motivasi, menggalakkan kesejawatan dan kolaborasi antara staf.

Dalam aspek guru pula, aspek kualiti pengajaran guru banyak dihubungkan kepada profesionalisme guru, komitmen dan kepuasan kerja guru. Penekanan terhadap aspek latihan keguruan juga diberikan agar guru-guru yang keluar cukup kompeten untuk mengajar. Begitu juga setelah guru-guru mengajar, diberikan pula kursus-kursus dalaman dan luar agar guru sentiasa meningkatkan kemahiran untuk terus dapat menongkah cabaran-cabaran lama dan baru. Guru-guru sentiasa berhadapan dengan cabaran yang bukan sahaja datang dari luar seperti kesan reformasi pendidikan tetapi juga cabaran terhadap perubahan sosial para pelajar dan kepelbagaian cara pembelajaran individu. Perubahan-perubahan yang berlaku perlu diuruskan dan disamping itu aspek kualiti pengajaran guru perlu ditingkatkan. Sejauh manakah latihan asas perguruan dan latihan dalam perkhidmatan dapat memenuhi keperluan guru dalam hal ini? Sehubungan itu, kajian terhadap peningkatan motivasi dan keefisienan guru terhadap pengajaran guru menjadi kritikal. Sentuhan peribadi (*personal touch*) pengetua dalam aspek sokongan psikologi dan profesional terhadap guru-guru atau staf di bawah kawalannya mungkin dapat memberi impak kepada efikasi seseorang guru seterusnya kemungkinan dapat meningkatkan kualiti kerja guru. Pengkaji berharap dengan mengadakan kajian tentang hubungan sokongan psikologi dan profesional pengetua terhadap efikasi guru dapat menyumbang satu lagi bahan ilmu untuk tujuan membantu para pengetua meningkatkan efikasi guru dan seterusnya meningkatkan kualiti pengajaran guru dan pembelajaran murid.

1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan kepada pernyataan masalah di atas maka objektif kajian ini dibentuk seperti berikut:-

- 1.4.1 Mengetahui tahap efikasi guru dalam pengajaran di dalam Gabungan Kota Kinabalu.
- 1.4.2 Mengetahui tahap sokongan psikologi dan profesional pengetua mengikut persepsi guru dalam Gabungan Kota Kinabalu.
- 1.4.3 Mengetahui sama ada terdapat perbezaan yang signifikan berkaitan efikasi guru dalam pengajaran mengikut kategori sekolah, jantina, pengalaman mengajar dan bidang mata pelajaran.
- 1.4.4 Mengetahui sama ada terdapat perbezaan yang signifikan persepsi guru terhadap sokongan psikologi pengetua mengikut demografi kategori sekolah, jantina, pengalaman mengajar dan bidang mata pelajaran.
- 1.4.5 Mengetahui sama ada terdapat perbezaan persepsi guru terhadap sokongan profesional pengetua mengikut demografi kategori sekolah, jantina, pengalaman mengajar dan bidang mata pelajaran.
- 1.4.6 Mengetahui sama ada terdapat hubungan antara persepsi guru terhadap sokongan psikologi pengetua dengan efikasi guru dalam pengajaran.
- 1.4.7 Mengetahui sama ada terdapat hubungan antara persepsi guru terhadap sokongan profesional pengetua dengan efikasi guru dalam pengajaran.

1.5 Soalan Kajian

Berdasarkan kepada objektif kajian di atas beberapa soalan kajian dikemukakan berhubung dengan persepsi guru terhadap sokongan psikologi dan sokongan profesional pengetua dan efikasi guru dalam pengajaran seperti berikut:-

- 1.5.1 Adakah tahap efikasi guru-guru dalam gabungan Kota Kinabalu?
- 1.5.2 Adakah tahap sokongan psikologi dan profesional pengetua mengikut persepsi guru dalam gabungan Kota Kinabalu?
- 1.5.3 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan berkaitan efikasi guru dalam pengajaran mengikut kategori sekolah, jantina, pengalaman mengajar dan bidang mata pelajaran?

- 1.5.4 Adakah terdapat perbezaan persepsi guru terhadap sokongan profesional pengetua mengikut kategori sekolah, jantina, pengalaman mengajar dan bidang mata pelajaran?
- 1.5.5 Adakah terdapat perbezaan persepsi guru terhadap sokongan profesional pengetua mengikut kategori sekolah, jantina, pengalaman mengajar dan bidang mata pelajaran?
- 1.5.6 Adakah terdapat hubungan antara persepsi guru terhadap sokongan psikologi pengetua dengan efikasi guru dalam pengajaran?
- 1.5.7 Adakah terdapat hubungan antara persepsi guru terhadap sokongan profesional pengetua dengan efikasi guru dalam pengajaran?

1.6 Hipotesis Kajian

Berdasarkan kepada soalan kajian tersebut, beberapa tanggapan awal dibuat terhadap masalah yang ingin dikaji. Tanggapan awal ini dinyatakan dalam bentuk pernyataan hipotesis nul. Hipotesis nul ini bertujuan untuk menentukan reka bentuk kajian, prosedur, instrumentasi dan persampelan kajian dan memudahkan pengkaji untuk membuat rumusan dapatan kajian. Berikut adalah hipotesis nul yang akan dikaji dalam kajian ini:-

- H₀₁: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara efikasi guru dalam pengajaran mengikut kategori sekolah, jantina, pengalaman mengajar dan bidang mata pelajaran.
- H₀₂: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam persepsi guru terhadap sokongan psikologi pengetua mengikut kategori sekolah, jantina, pengalaman mengajar dan bidang mata pelajaran.
- H₀₃: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam persepsi guru terhadap sokongan profesional pengetua mengikut kategori sekolah, jantina, pengalaman mengajar dan bidang mata pelajaran.
- H₀₄: Tidak terdapat hubungan antara persepsi guru terhadap sokongan psikologi pengetua dengan efikasi guru dalam pengajaran.
- H₀₅: Tidak terdapat hubungan antara persepsi guru terhadap sokongan profesional pengetua dengan efikasi guru dalam pengajaran.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian terhadap hubungan sokongan psikologi dan sokongan profesional pengetua dengan efikasi guru dalam pengajaran adalah satu langkah awal untuk kajian lanjut

berhubung dengan mengenal pasti faktor-faktor peningkatan tahap efikasi guru dan seterusnya boleh dijadikan fokus oleh Kementerian Pendidikan dalam meningkatkan lagi kualiti pendidikan di Malaysia.

Dalam kajian-kajian lepas, efikasi guru dikatakan mempunyai hubungan dengan daya usaha, tandus upaya dan motivasi guru. Sehubungan itu, kajian berhubung dengan peningkatan efikasi guru menjadi penting untuk memastikan matlamat pendidikan dapat direalisasikan. Kajian yang menjurus kepada mengenalpasti sumber informasi dan faktor-faktor peningkatan efikasi guru masih kurang di Malaysia walaupun kajian ini telah dijalankan lebih dua puluh lima tahun di luar negara.

Aspek sokongan pengetua pula merupakan salah satu aspek kepimpinan pengetua dan berbeza-beza di antara seorang pengetua dengan pengetua yang lain mengikut stail kepimpinan masing-masing. Kebanyakan pengetua mudah membekalkan sokongan dalam bentuk fizikal seperti menyediakan prasarana yang mencukupi untuk membolehkan stafnya melaksanakan tugas dengan baik. Bagaimanapun, sokongan prasarana semata-mata didapati tidak memadai untuk meningkatkan efikasi guru dalam pengajaran dan pembelajaran. Oleh yang demikian, penyelidik berminat untuk melihat sama ada terdapat hubungan antara sokongan psikologi dan sokongan profesional pengetua terhadap efikasi seseorang guru.

1.8 Batasan Kajian

Penyelidik menyedari bahawa terdapat beberapa faktor lain yang boleh mempengaruhi efikasi seseorang guru. Oleh itu, walaupun kajian ini dapat menunjukkan hubungan yang positif, ianya masih belum dapat sepenuhnya membuktikan bahawa sokongan psikologi dan sokongan profesional pengetua merupakan punca atau sumber informasi bagi peningkatan efikasi seseorang guru. Bagaimanapun, penyelidik mengabaikan sumber informasi yang lain dan menumpukan perhatian ke atas pola hubungan antara sokongan psikologi dan sokongan profesional dengan efikasi guru dalam kajian ini. Sekiranya terdapat hubungan yang positif, cadangan kajian lanjut boleh dilakukan dengan menggunakan kaedah lain agar keputusan kajian ini dapat diteguhkan lagi. Selain itu, kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif iaitu melalui borang soal selidik dan dengan itu variabel sokongan psikologi dan profesional pengetua hanya merupakan suatu persepsi guru-guru sahaja. Penyelidik berpendapat bahawa kaedah kualitatif lebih

sesuai kerana ia boleh melibatkan pemerhatian dan temubual serta dapat memberikan maklumat yang lebih tepat dan terperinci. Bagaimanapun, penyelidikan ini sekurang-kurangnya dapat membuat generalisasi tentang sokongan psikologi dan profesional yang diterima oleh guru-guru mengikut persepsi mereka dan hubungannya dengan tahap efikasi guru.

1.9 Definisi Operasional

1.9.1 Sokongan Profesional Pengetua

Sokongan profesional pengetua dalam kajian ini merujuk kepada sokongan yang diberikan oleh pengetua terhadap seseorang guru untuk menggalakkan pembangunan profesionalisme guru. Dalam kajian ini, sokongan profesional diperhatikan dalam tingkahlaku pengetua memberi bimbingan kepada guru apabila menghadapi masalah dalam pembelajaran, membuat penyeliaan terhadap rancangan mengajar dan pengajaran guru dan memberikan ruang dan peluang yang luas untuk guru meningkatkan pembangunan profesionalismenya dengan menggalakkan guru membuat kajian tindakan, perbincangan dengan rakan sekerja, melanjutkan pelajaran, perbincangan dan memberikan kursus perkembangan staf.

1.9.2 Sokongan Psikologi Pengetua

Sokongan psikologi merujuk kepada sokongan pengetua terhadap seseorang guru untuk membangunkan motivasi, keyakinan dan kekuatan dalaman seseorang guru. Sokongan tersebut dilihat dalam bentuk tingkahlaku pengetua memberikan motivasi seperti memberi pujian, pengiktirafan dan penghargaan terhadap usaha guru, memberikan pandangan yang positif terhadap guru dengan menganggap guru adalah mahir dalam subjeknya dan mempunyai kepercayaan dan ekspektasi yang tinggi terhadap kemampuan dan daya usaha guru-gurunya. Pengetua juga menjaga kebajikan guru-guru dengan memastikan guru-guru dapat memberikan tumpuan terhadap pengajaran dengan mengurangkan tugas-tugas pentadbiran guru dan memberikan layanan yang memuaskan kepada guru-guru.